

## **Sudah tiba negara menyediakan muzium maritim dan kajian arkeologi bawah air.**

Oleh : Dr. Mohd Rohaizat Bin Abdul Wahab

Penyelidik Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM),

Universiti Putra Malaysia (UPM)

Penolong Setiausaha, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM)

Bidang Kepekaran : Arkeologi Maritime, Etnosains

Nombor Telefon: 012-681 2270

Jumpaannya beberapa artifak berupa serpihan seramik, syiling mata wang lama dan serpihan kayu dipercayai rangka kapal dagang yang ditemui di kawasan paya bakau sekitar Pulau Melaka-Taman Melaka Raya 17 September 2020 ini membuka lagi penemuan sejarah maritim negara. Penemuan rangka kapal ini dianggarkan berusia lebih 900 tahun dahulu iaitu semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Jumpaannya ini telah mendapat liputan media dan turut hadir meninjau lokasi penemuan artifak ialah Timbalan Pengerusi PERZIM, Pesuruhjaya Warisan dan Pengurus Besar PERZIM.

Penemuan ini merupakan rentetan daripada beberapa jumpaannya rangka perahu yang pernah dilaporkan sebelum ini seperti jumpaannya artifak bersama rangka kapal yang berusia 1,000 tahun yang ditemui di Sungai Pahang pada 14 Ogos 2020. Namun mengikut laporan, rangka kapal dipercayai berada di dasar sungai tersebut dan sukar untuk dilihat disebabkan air keruh.

Laporan yang sama juga berkaitan dengan jumpaannya kapal purba dijumpai di Sungai Batu pada 31 Ogos 2015, jumpaannya perahu sagor di sekitar Kedah pada tahun 2002 dan di beberapa tempat lagi. Jumpaannya ini juga penting kerana ia dapat menentukan pentarikhan yang boleh dibuktikan dengan ujian pada artifak yang telah dijumpai dan penelitian pada rangka perahu bagi melihat penggunaan teknik pembuatan kapal tersebut.

Dalam kajian arkeologi maritim, jumpaannya rangka Perahu Pontian di selatan Pahang merupakan penemuan terawal di rantau Asia Tenggara yang pernah dilaporkan iaitu pada Jun 1926 oleh I.H.N. Evan. Rangka perahu yang dijumpai adalah terdiri daripada empat keping papan, tujuh batang kun dan satu batang linggi.

Dengan penemuan rangka kapal ini, dapat dibuktikan bahawa kapal tersebut dianggarkan dibina sekitar abad ke-3 hingga ke-5 Masihi. Teknik pembuatan kapal tersebut juga mempunyai ciri yang unik iaitu menggunakan ikatan, pasak dan tambuku.

Ramai penyelidik mengesahkan bahawa teknik pembuatan perahu ini merupakan teknik yang hanya ada di Asia Tenggara sahaja sehingga penyelidik dari Perancis

iaitu Prof. Pierre-Yves Manguin menggelarkan teknik pembuatan perahu ini sebagai "Tradisi Laut China Selatan".

Namun apa yang berlaku di negara kita sekarang ini, artifak atau jumpaan rangka perahu pontian yang ditempatkan di salah sebuah galeri di pantai timur tidak dipelihara dengan sempurna. Rangka perahu ini berupa papan kayu lama ditempatkan secara terbuka mengundang kepada serangan serangga yang boleh merosakkan jumpaan rangka perahu tersebut. Konservasi perlu dilakukan bagi menghalang berlakunya pelapukan pada kayu-kayu tersebut.

Penyelidik INSPEM menyarankan perlu adanya kesedaran bagi memelihara warisan maritim yang terawal dijumpai di Asia Tenggara ini dengan meletakkan di tempat yang bersesuaian. Negara juga perlu mewujudkan sebuah muzium maritim memfokuskan kepada sejarah maritim negara dan rantau asia tenggara. Muzium ini menjadi pusat pameran pelbagai jenis perahu yang ada di rantau asia tenggara dan menjadi pusat konservasi kepada rangka perahu yang pernah dijumpai sebelum ini.

Universiti dan institusi penyelidikan juga perlu memberikan tumpuan dalam penyelidikan bidang maritim dan arkeologi bawah air di rantau asia tenggara bagi menyelamatkan dan memelihara warisan negara ini.

Program kesedaran kepada rakyat juga penting tentang menjaga khazanah warisan negara ini. Sekiranya terdapat individu atau mana-mana kumpulan yang menjumpai artifak bersejarah perlu melaporkan terus kepada Pesuruhjaya Warisan atau pegawai daerah berhampiran bagi mengelak artifak ini dicuri dan disalah guna.

Mengikut Akta 654, pihak kerajaan boleh menyediakan pampasan kepada sesiapa yang menjumpai artifak bersejarah, pemilik tanah memberi hakmilik yang di dalamnya atau di atasnya objek itu dijumpai dan juga kepada sesiapa yang memberi maklumat. Pampasan atau ganjaran ini telah diamalkan di beberapa negara seperti di Sweden dan Itali bagi mengawal artifak negara dijual dalam pasaran gelap.